



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 16 MEI 2024**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	AZAH HANIM DILANTIK TIMBALAN PENERUSI SEMENTARA KADA, HM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2. 3. 4.	SEGAR, SH -23 BOT NELAYAN GAJI WARGA MYANMAR DITAHAN, KUALA SELANGOR, SH -26 'MINTA IZIN KAMI DULU', LOKAL, HM -25	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	KEUPAYAAN PUSAT PENGUMPULAN, PEMROSESAN 'RAJA BUAH' FAMA DITINGKATKAN, MEDIA DIGITAL JOHOR -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	BELI DIESEL MELALUI PERSATUAN NELAYAN, NASIONAL, SH -9	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
7. 8.	PENGELUARAN DURIAN JOHOR 148,365 TAN METRIK TAHUN LALU, NEGARA, KOSMO -13 PPK PADANG SIDING USAHA KELUARKAN BENIH BENIH, UTARA, HAKAKAH -H21	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

Azah Hanim dilantik Timbalan Pengerusi Sementara Kada



Azah Hanim Ahmad

Kota Bharu: Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Dasar), Datuk Azah Hanim Ahmad dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Sementara Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada).

Pengerusi Kada Muhammad Husain ketika memaklumkan perkara itu berkata, pelantikan itu juga bermakna Azah Hanim akan melaksanakan tanggungjawab sebagai pengurus

besar.

"Ia seperti yang termaktub di bawah Seksyen 13 (1), Akta Kada 1972 (Akta 69) yang menyatakan bahawa Timbalan Pengerusi ialah Pengurus Besar Kada dan pelantikan ini berkuat kuasa pada 13 Mei," katanya menerusi kenyataan di sini, hari ini.

Pada masa sama, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu atas sokongan penuh yang diberikan kepadanya untuk terus menjalankan reformasi dan penambahbaikan ke atas mutu perkhidmatan Kada kepada petani di Kelantan.

"Saya berharap dengan pelantikan ini, Kada akan terus maju ke hadapan dan menjadi agensi utama yang membela dan memperjuangkan nasib petani, selaras dengan matlamat kerajaan terkini yang dipimpin oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, empat pegawai kanan Kada termasuk pengurus besar ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Mereka dipercayai terbabit meminta dan menerima wang rasuah daripada beberapa individu atau syarikat selain membuat tuntutan palsu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2024	SINAR HARIAN		23



SEGAR... Seorang nelayan menunjukkan udang harimau yang baru dituai dari kolam terpilih di tapak Projek AQUA/Ternakan Udang Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan/Udang, Persatuan Nelayan Kawasan Satang Baru, Kuching. Makanan laut seperti udang, sotong dan ikan sangat sinonim dengan penduduk di Borneo berikutan hasil sumber diperolehi dari Laut China Selatan serta harga ditawarkan lebih murah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2024	SINAR HARIAN	KUALA SELANGOR	26

Bot nelayan gaji warga Myanmar ditahan

Langgar syarat sah lesen, gagal kemuka dokumen pengenalan diri

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR



Seorang tekong bersama tiga kru warga Myanmar ditahan dalam operasi berkenaan.

Ageni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Selangor menahan sebuah bot nelayan tempatan kelas C pada kedudukan 16 batu nautika barat daya Tanjung Karang di sini dipercayai dikendalikan kru warga asing tanpa dokumen sah pada Selasa.

Pengarah Maritim Negeri Selangor, Kepten Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh berkata, bot itu ditahan pada jam 1.20 petang selepas pihaknya melakukan rondaan rutin penguatkuasaan di sekitar perairan Selangor.

Menurutnya, pemeriksaan awal mendapati bot itu dikendalikan seor-

ang tekong bersama tiga kru warga Myanmar berusia antara 19 hingga 37 tahun.

"Kesemua mereka gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Pemeriksaan lanjut turut mendapati bot berkenaan telah melanggar syarat sah lesen kerana menggunakan kru asing," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, bot serta kru ditahan dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin, Pulau Indah untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Negeri Selangor.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu menggajikan pekerja asing tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen 1959/63 kerana kru tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.

"Maritim Malaysia akan terus meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang di kawasan perairan Malaysia khususnya perairan Selangor," tambahnya.

Haaa..nak bagi tahu,
ada sesuatu yang
MENARIK
menanti anda
Julai ini!



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2024	HARIAN METRO	LOKAL	25

'Minta izin kami dulu'

Ipoh: Individu atau kumpulan yang mahu melepaskan mana-mana spesies ikan air tawar ke perairan umum perlu mendapat kebenaran rasmi daripada Jabatan Perikanan Perak.

Pengarah Perikanan Perak Mohd Ghazali A Manap berkata, perkara itu termaktub dalam garis panduan bertujuan melindungi spesies ikan air tawar tempatan daripada terancam.

"Kalau ada pihak yang nak lepaskan ikan sama ada ia spesies tempatan atau sebaliknya, perlu mendapat kebenaran pihak kami.

"Mereka perlu hadir ke pejabat kami dan maklumkan apa tujuan sebenar pelepasan itu dibuat, spesies apa yang nak dilepaskan dan sebagainya.

"Kita tak mahu perkara ini dipandang mudah oleh mana-mana pihak kerana ia membabitkan kepentingan spesies ikan tempatan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Pada 12 Mei lalu, tular satu video yang memaparkan tindakan beberapa individu didakwa melepaskan ribuan anak ikan di Sungai Hulu Bernam, Tanjung Malim.

Dalam pada itu, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sedang mengenal pasti individu terbabit untuk siasatan berhubung kejadian terbabit selepas menerima aduan daripada Jabatan Perikanan Perak.

Mengulas tentang penularan video pelepasan ikan itu, Mohd Ghazali berkata, buat masa ini siasatan menyeluruh termasuk penguatkuasaan tertakluk di ba-

wah bidang kuasa Jabatan Perikanan Selangor.

"Memang pihak kita (Jabatan Perikanan Perak) yang membuat aduan, namun selepas diselidiki, kejadian itu berlaku dalam negeri Selangor.

"Jadi, sebarang tindakan atau siasatan diserahkan kepada mereka untuk tindakan lanjut terhadap suspek yang melepaskan ribuan ikan dipercayai spesies anak ikan keli Afrika," katanya.



TANGKAP layar video memaparkan individu didakwa melepaskan ribuan anak ikan di Sungai Hulu Bernam, Tanjung Malim.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2024	MEDIA DIGITAL JOHOR	ONLINE	

KEUPAYAAN PUSAT PENGUMPULAN, PEMROSESAN 'RAJA BUAH' FAMA DITINGKATKAN



*YB Dato' Zahari Sarip, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor.
| Foto MDJ Wira Anggara*

Kerajaan Negeri berhasrat menaik taraf fasiliti dan teknologi Pusat Pengumpulan dan Pemrosesan Durian di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Tangkak pada tahun ini, dengan cadangan tersebut telah dimajukan serta dipersetujui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Bakal menjadi pusat pengumpulan dan pemrosesan durian dikeluarkan sekitar Tangkak, Muar dan Segamat, projek pemeraksanaan itu akan dioperasikan secara kerjasama strategik bersama pihak swasta di mana setakat ini, sebuah syarikat bersetuju membuat pelaburan sebanyak RM2 juta.

Pelaksanaan projek itu melibatkan kerja menaik taraf bangunan dan fasiliti selain pembekalan sistem nitrogen dan peralatan operasi di Pusat Pengumpulan dan Pemrosesan Durian FAMA yang dijangka bermula Jun ini dan beroperasi pada tahun hadapan.

Dengan menaik taraf pusat tersebut, keupayaan memproses durian sejuk beku akan meningkat kepada kira-kira 12 tan metrik sehari, 360 tan metrik sebulan dan 4,320 tan metrik setahun berbanding 2 tan metrik sehari dan penyimpanan hanya 22 tan metrik isi buah terbabit dalam satu masa.

Pusat Pengumpulan dan Pemrosesan Durian FAMA di Tangkak diwujudkan bagi meningkatkan produktiviti penghasilan pemrosesan durian sejuk beku, pengeluaran eksport ke luar negara, jangka hayat produk lebih lama dan berkualiti sekali gus dapat dipasarkan sepanjang tahun termasuk di luar musim.

Terdahulu, YB Dato' Zahari Sarip, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor menjawab soalan YB Ee Chin Li, Ahli Dewan Negeri (ADN) Johor kawasan Tangkak berkaitan status terkini dan prestasi pusat pengumpulan hasil durian pada Mesyuarat Pertama (Pembukaan Rasmi) Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Ke-15 di Bangunan Sultan Ismail, Kota Iskandar, hari ini.

#BangsaJohor
#MediaDigitalJohor
#SahihTepatPantas
#MajuJohor

Beli diesel melalui persatuan nelayan

Bagi mengelakkan
ada pihak
ambil kesempatan

Oleh **ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM**

Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) mencadangkan agar semua pembelian minyak diesel harus melalui persatuan tanpa melibatkan mana-mana pihak swasta bagi memastikan sumber bahan api itu sampai secara terus kepada nelayan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari berkata, campur tangan pihak swasta akan ada pihak yang meng-

ambil kesempatan dengan menjual diesel kepada orang lain.

Katanya, dalam masa sama kerajaan juga perlu menyediakan tempat yang sesuai bagi memudahkan nelayan memperoleh minyak hanya daripada persatuan.

“Sudah pasti langkah penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP) pembelian diesel bersubsidi dalam kalangan nelayan cukup baik dan sebagai pengerusi Nekmat kita menyahut seruan ini.

“Oleh itu, kita harap supaya pihak kerajaan terutama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dapat pastikan semua persatuan nelayan perlu ada tempat yang baik untuk menyimpan minyak.

“Maksudnya kerajaan perlu melantik Nekmat sebagai pemborong dan persatuan nelayan kawasan (PNK) peruncit. Tidak perlu orang lain, cukup persatuan yang

Tiada lagi pembelian pukal diesel nelayan - LKIM



Laporan *Sinar Harian* pada Isnin.

mengagihkan minyak kepada nelayan,” ujarnya.

Sinar Harian pada Isnin lalu melaporkan LKIM akan menambah baik prosedur operasi standard (SOP) pembelian diesel bersubsidi dalam kalangan nelayan dengan tidak lagi membenarkan pembelian secara pukal.



ABDUL HAMID

16/5/2024

KOSMO

NEGARA

13

Pengeluaran durian Johor 148,365 tan metrik tahun lalu



ZAHARI ketika menjawab pertanyaan lisan pada Persidangan Ketiga DUN Johor ke-15 di Iskandar Puteri semalam.

ISKANDAR PUTERI – Industri penanaman durian di negeri ini menunjukkan perkembangan positif dan mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) lebih awal daripada yang disasarkan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip berkata, pada tahun lalu pengeluaran raja buah itu menunjukkan peningkatan iaitu 148,365 tan metrik berbanding 138,945.5 tan metrik pada 2022.

"Jumlah ini melepasi sasaran KPI negeri iaitu 141,862 tan metrik menjelang 2027," katanya ketika menjawab soalan lisan pada Persidangan Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor ke-15, di Bangunan Sultan Ismail



di sini semalam.

Terdahulu, Ee Chin Li (**DAP-Tangkak**) bertanyakan status perubahan pusat pengumpulan hasil durian dan prestasinya.

Dalam pada itu, Zahari turut memaklumkan, pengusaha industri durian juga meningkat daripada 31,500 orang pada 2022 kepada 34,650 orang tahun lalu.

"Dari segi keluasan tanaman pula, industri ini melibatkan

19,979.3 hektar pada 2022, meningkat kepada 20,275.6 hektar pada 2023.

Dalam perkembangan sama, Zahari berkata, Kerajaan Pusat menerusi Jabatan Pertanian menyalurkan bantuan sebanyak RM1.72 juta yang memberi manfaat kepada 252 pengusaha melibatkan keluasan 468.53 hektar.

Bagi tahun ini pula, sebanyak RM1.45 juta telah diperuntukan dengan sasaran penerima manfaat sekurang-kurangnya seramai 128 pengusaha melibatkan keluasan sebanyak 373.31 hektar.

"Kerajaan perlu memperkasa pusat pengumpulan dan pemprosesan hasil durian bagi memastikan jaminan kuantiti dan kualiti buah dikekalkan," katanya.

16/5/2024

HARAKAH

UTARA

H21

PPK Padang Siding usahakan keluarkan benih benih

Oleh NOOR SARA
MASHITOH MOHAMAD
HANIF

KANGAR: Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Padang Siding berjaya menyahut cabaran kerajaan negeri untuk menghasilkan padi benih bagi kegunaan pesawah negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Negeri, Razali Saad berkata, hasil kawasan padi benih seluas 50 hektar itu dijangka dapat dituai pada September depan.

Namun, beliau mengingatkan pengusaha padi benih supaya mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

"Kita terikat dengan 13 SOP, maknanya jika nak buat padi benih tahun ini boleh buat, tapi tidak semudah itu. Tahun pertama perlu cuci ladang dulu, selepas itu baru boleh fokus kepada padi benih.

"Kita tidak mahu berlaku percampuran benih dan masalah padi angin berlaku.



Razali Saad

Oleh itu dalam proses ke arah itu, perlu mematuhi keseluruhan SOP yang digariskan," katanya.

Sementara itu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Guar Sanji, Mohd Ridzuan Hashim berkata, penghasilan padi benih penting bagi mengatasi isu kelewatan bekalan dan masalah kualiti benih padi yang berulang setiap kali musim penanaman padi.

"Saya sarankan usaha bersungguh-sungguh dilakukan untuk menghasilkan benih



PPK Padang Siding usahakan padi benih seluas 50 hektar.

padi sendiri. Agak malang, kita berada dalam kawasan padi yang luas, namun masih mengharapkan kepada kilang dan syarikat luar bagi mendapatkan benih.

"Kita memang ada kawa-

san yang mengusahakan padi benih, cuma sekarang tiada kilang sendiri untuk memproduksi padi benih. Oleh kerana itu kebanyakan petani di Perlis yang mengusahakan padi benih akan jual kepada pengi-

lang di Kedah," katanya.

Beliau berkata, usaha sedang dilakukan untuk membuka kilang padi benih bagi mengeluarkan sendiri padi benih dari petak petani untuk kegunaan di negeri sendiri.